

Kebebasan Ekonomi di Asia

Dr Razeen Sally



Pendahuluan

Kertas kerja ini adalah pidato beliau pada program Persidangan mengenai Kebebasan yang diselenggarakan IDEAS di Kuala Lumpur pada 19 September 2015. Persidangan ini membincangkan trend, cabaran dan masa depan kebebasan di Malaysia. Dr Razeen membentangkan kertas kerja ini dalam sesi yang bertajuk "Kebebasan Ekonomi: Ubat atau Racun?"

Dr Razeen Sally adalah penyandang Kerusi Ekonomi Politik dan Pentadbiran IDEAS dan seorang Profesor Madya di Sekolah Dasar Awam Lee Kuan Yew, Universiti Kebangsaan Singapura. Dr Razeen juga adalah Pengerusi Institut Kajian Dasar, sebuah badan pemikir kunci di negara asalnya, Sri Lanka, yang memberi nasihat kepada pemerintah Sri Lanka dalam dasar-dasar ekonomi.



Sumber Gambar: Apachee Kings. 3D Animation Earth Day/Night. Digital image. Youtube. Apachee Kings

Situasi kebebasan di Asia memang boleh membuat muram. China masih autoritarian, bahkan lebih buruk lagi di bawah Xi Jinping. Demokrasi di Thailand merosot dan sedang terancam di Malaysia. Demokrasi di Asia Selatan, kecuali India, begitu rapuh, dan hampir tidak wujud di Asia Tengah. Timur Tengah pula sedang bergolak. Liberalisasi ekonomi kian perlahan sejak kebangkitannya pada dekad 1980-an dan 1990-an, malah terhenti di sesetengah negara.

Adakah kemuraman ini boleh dibenarkan? Mungkin sehingga satu tahap. Tetapi hal ini terlalu diperbesar kerana masih ada harapan terutamanya dalam ekonomi pasaran, meski tidak dalam demokrasi dan hak asasi.

Saya tumpukan pembahasan dalam rencana ini pada kebebasan ekonomi di Asia atas dua sebab. Pertama, kebebasan ekonomi di Asia merupakan satu paradoks. Meski tidak berakar sebagai sebuah idea, ia diamal secara meluas dalam kehidupan harian orang Asia. Kedua, kebebasan ekonomi sama pentingnya dengan kebebasan politik dan sosial. Perkara yang lebih penting bagi rakyat kebanyakan, berbanding intelektual kelas menengah dan atas, ialah kebebasan diri mereka setiap hari, terutama kebebasan mereka sebagai pengguna atau pekerja. Tanpa kebebasan ekonomi, kebebasan politik dan sosial mungkin tidak wujud, atau tidak membawa banyak makna dalam kehidupan mereka sehari-hari.

Kebebasan ekonomi sebagai sebuah idea

Idea-idea tentang bagaimana mengatur masyarakat bermula di Barat dan tersebar ke seluruh dunia. Idea-idea kolektif seperti sosialisme, komunisme dan nasionalisme tersebar melalui penjajahan, perdagangan, dan penyebaran agama Kristian. Perkara yang sama juga berlaku pada idea-idea liberal yang berpusatkan kebebasan individu dan haknya. Sudah tentu sudah ada idea-idea politik, ekonomi, undang-undang dan sosial tempatan yang kebanyakannya kolektif dan sebilangannya liberal. Namun, kemaraan idea-idea Eropah (Yunani-Romawi, Yahudi-Kristian, dan sekular moden) telah membuatnya tersisih.

Asia banyak menyerap idea-idea kolektivisme Barat. Idea-idea liberal tersebar juga pada abad ke-19, terutamanya dalam negara jajahan British, tetapi penguasaan penjajahan mencetuskan tindak balas. Malah sosialisme dan komunisme yang juga diserap dari Barat dan dipadukan dengan nasionalisme memarakkan lagi tindak balas tempatan terhadap imperialisme Barat. Sosialisme, komunisme dan nasionalisme melonjak naik semasa dekad-dekad sebelum kebijaksanaan pasca-1945, dan merosot beberapa dekad kemudian. Bagaimanapun, sosialisme, jika tidak komunisme, masih berakar dalam masyarakat.

Dari sekian banyak kebebasan, kebebasan politik mendapat perhatian terbesar di Asia. Kebebasan sivil (hak kebebasan bersuara, berhimpun dan berpersatuan) serta demokrasi perwakilan mengecapi lebih banyak kejayaan berbanding kebebasan ekonomi (kebebasan individu bagi menghasilkan atau menggunakan barangan dan perkhidmatan) dan kebebasan sosial (kebebasan individu dalam hal keluarga, gender, seks, tempat kerja dan sebagainya). Walau bagaimanapun, kebebasan politik juga turut tercabar di Asia berbanding di Barat. China ialah contoh yang paling jelas.

Kebebasan ekonomi mendapat semula tapaknya di Barat dari dekad 1970-an hingga dekad 1990-an, terutama di negara-negara berbahasa Inggeris. Milton Friedman dan Friedrich Hayek memimpin kemaraan ini.

Namun demikian, menarik untuk diperhati betapa idea-idea ini tidak mendapat tempat di Asia. Sebaliknya, falsafah pemerintahan golongan elit Asia (dalam erti kata "falsafah" yang longgar) ialah "pragmatisme". Mereka tidak berkiblatkan mana-mana doktrin ekonomi. Mereka mendakwa akan melaksanakan "apa sahaja yang berkesan", mencampur aduk autoritarianisme, pengendalian sosial, wibawa paternalistik, dan pasaran bebas. Bergantung kepada keadaan yang dihadapi, campuran ini diubah sekiranya suasana berubah. Segalanya bebas daripada unsur ideologi. Berapa kerapkah kita mendengar ucapan sebegitu daripada teknokrat Parti Komunis China? Inilah fahaman yang dipegang Perdana Menteri India, Modi, dan Presiden Indonesia, Presiden Jokowi. Lee Kuan Yew menegaskannya semasa berkuasa, dan ia kekal menjadi mantra golongan elit Singapura.

Jika hanya inilah gambaran penuh yang ada, situasi kebebasan ekonomi di Asia memang nampak suram. Namun itu hanyalah sebahagian daripada gambaran sebenar. Di Asia, kebebasan ekonomi diamalkan lebih dari sekadar sebuah pemikiran; malah ia membolehkan orang biasa hidup dengan lebih baik berbanding sebelumnya. Teras kebebasan ekonomi mungkin berasal dari Barat, tetapi kegunaannya hampir bersifat alamiah. Inilah paradoks yang mahu saya terokai.

“**Kebebasan sivil (hak untuk bersuara, berkumpul dan berpersatuan) dan demokrasi berperwakilan lebih berjaya berbanding kebebasan ekonomi (kebebasan individu untuk menghasilkan dan menggunakan barangan dan perkhidmatan) dan kebebasan sosial.**”


Kebebasan ekonomi yang diamalkan

Dalam kebanyakan masa abad lalu, Asia terdiri daripada negara-negara yang banyak menekan kebebasan individu dan perusahaan. Mereka kekurangan institusi yang menyokong pasaran seperti undang-undang yang boleh diyakini dan mekanisme penguatkuasaan yang mendokong hak pemilikan harta dan kontrak, kebebasan berdagang dan pekerjaan, kebebasan menentukan harga, pasaran wang yang canggih dan piawai perakaunan dan sebagainya. Negara-negara ini juga menekan pemikiran kreatif dan kritikal dan mengasingkan diri daripada dunia luar. Inilah yang terjadi di China, India, Jepun dan dunia Islam. Asia pada abad ke-20 juga melalui pengalaman yang hampir sama. Contohnya China yang dipimpin Mao, "Lesen Raj" di India dari dekad 1950-an hingga 1980-an, Indonesia di bawah Soekarno, Vietnam di bawah Ho Chi Minh, Kemboja di bawah Pol Pot dan Burma di bawah Ne Win dan seterusnya.

Eropah Barat mengejar bahkan melampaui kemajuan Asia sebelum Revolusi Industri sehinggakan Asia jatuh dalam penaklukan Eropah. Keterbelakangan Asia berperanan dalam

penaklukan ini, begitu juga dengan peningkatan komersil di Barat. Di Barat sejak Zaman Pertengahan, kerajaan di pekan-pekan dan bandar-bandar, dan selepas itu negara-negara, melayani para saudagar dan usahawan sebagai kelompok yang berguna bagi masyarakat. Pelbagai institusi pasaran muncul untuk mendokong persaingan dan perusahaan. Pasaran berkembang melalui dagangan antarabangsa. Semua ini adalah resepi kejayaan revolusi komersil, pertanian dan industri di Barat. Revolusi Industri membolehkan Barat melonjak dan meninggalkan yang lain-lain. Hal ini terus berlaku hingga akhir abad ke-20.

Namun, Asia juga mempunyai zaman kegemilangan perdagangannya sebelum penjajahan Eropah. Misalnya China di bawah dinasti Sung, India di bawah Mauryas, dan Jalan Sutera semasa Pax Mongolica. Tetapi saya tertarik untuk membahas lebih dalam mengenai perdagangan di Lautan Hindi dan Asia Tenggara lebih lima abad lalu.






Sumber Gambar: The Silk Road. Digital image. Marco Polo, Investigation Cosmos.

Pada pertengahan abad ke-18, orang-orang Arab mengharung angin monsun untuk berdagang di semua pelabuhan di Lautan Hindi sampai sejauh pelabuhan China. Diaspora mereka menghubungkan jaringan dagangan dari Afrika Timur hingga ke China. Dalam Kisah Seribu Satu Malam disebutkan Sinbad sang Kelasi, seorang pedagang Baghdad, merentasi laluan dari Baghdad ke Canton, dan berhenti di pelabuhan perdagangan sepanjang jalannya. Lautan Hindi adalah Mare Liberum (Lautan Bebas) sebelum Portugis masuk campur pada abad ke-16. Lautan ini tidak dikawal oleh mana-mana kuasa dan terbuka sepenuhnya untuk perdagangan. Bandar-bandar pelabuhan seperti Aden, Hormuz, Cambay (berhampiran Ahmedabad dalam Gujerat moden), Goa, Canannore dan Calicut (di pantai Malabar), Aceh, Melaka, dan Makasar (di Kepulauan Rempah) memenuhi pesisir lautan ini. Pekan-pekan dan bandar-bandar ini bebas dan makmur dengan perdagangan laut. Kain pakaian India, rempah ratus Maluku, sutera dan tembikar China, semuanya dijual-beli dengan rancak dan tanpa diskriminasi. Sebagaimana dinyatakan oleh Sultan Al'auddin dari Makasar:

Tuhan menciptakan daratan dan lautan; Daratan Dia bahagi-bahagikan, manakala lautan Dia beri untuk dikongsi. Tidak pernah beta mendengar sesiapa dihalang belayar di lautan. Jika mahu menghalang, bermaksud kamu menghalang rezeki orang lain (Gordon, 2001).

Pihak berkuasa di bandar-bandar pelabuhan ini memisahkan pasaran dan kerajaan dengan munasabah dan peraturan yang mudah. Tarif perdagangan pula sederhana iaitu sekitar 3-6 peratus ke atas import dan tiada duti eksport dikenakan di Melaka. Melaka mempunyai struktur perundangan untuk perdagangan yang dapat memberi bayangan awal mengenai undang-undang Inggeris.



Sumber gambar: Berstein, William. 2008. "A Splendid Exchange: How Trade Shaped the World. 2008." Grove Press.

— “ —
“eBay zaman pertengahan di dunia tropika. Di sini peraturan yang baik menarik pedagang yang baik, dan kemudiannya akan menuntut peraturan yang lebih baik pula.”
 — ” —
 - Bernstein, 2008

Stuktur ini terdiri dari seorang pegawai kastam yang bertindak sebagai hakim dan dibantu oleh barisan panel yang terdiri daripada pedagang tempatan dan asing. Mereka menentukan nilai muatan kapal dan menjalankan lelongan. Menurut William Bernstein, penulis A Splendid Exchange, tempat ini ialah “eBay zaman pertengahan di dunia tropika. Di sini peraturan yang baik menarik pedagang yang baik, dan kemudiannya akan menuntut peraturan yang lebih baik pula.”

Asasnya, persaingan ekonomi subur bersama institusi politik yang fleksibel dan terpencair. Geografi yang terpisah-pisah dan bandar yang saling bersaing menjadi pemangkin kepada kebebasan ekonomi, pertumbuhan dan kemakmuran. Hal yang sama berlaku pada zaman pertengahan dan zaman moden awal Eropah. Tambahan lagi, bandar-bandar ini bertolak ansur dalam menghadapi perbezaan agama dan sangat kosmopolitan. Tome Pires, seorang ahli farmasi zaman pertengahan yang menemani pengasas Estado da India Portugis, menghitung sebanyak 84 bahasa dituturkan di Melaka. Sebahagian bandar-bandar pelabuhan ini mempunyai raja dan penduduk Hindu, tetapi Muslim yang mendominasi perdagangan. Islam disebarkan melalui perdagangan dan tindakan borjuis, bukan dengan mata pedang sebagaimana di tempat lain.

Pelayaran Penerokaan, dan kemudian perluasan kolonial Portugis, Belanda dan British, menggugat kebebasan ekonomi di Lautan Hindi dan gugusan kepulauan Asia Tenggara. Penakluk Portugis merempuh masuk dengan ganas dan menjarah kekayaan yang ada atas alasan “mencari Kristian dan rempah.” Mereka mengawal lautan, pesisir dan pelabuhan dengan cara membunuh, merompak, menipu dan mencuri. Mereka mahukan monopoli terhadap rempah dan merebut pasaran daripada orang luar yang berdagang di kawasan tempatan. Syarikat Hindia Timur Belanda turut melakukan hal yang sama, malah dengan lebih kejam. British mengikuti langkah Belanda.

Pax Britannica mengembalikan semula Mare Liberum dan perdagangan yang lebih bebas di Lautan Hindi. Stamford Raffles memberikan rangsangan besar terhadap kebebasan ekonomi di Asia melalui pengasasan Singapura pada tahun 1819.

Beliau membayangkan “kedai jualan besar” yang terbuka sepenuhnya kepada perdagangan dan modal, dan kepada orang asing yang mahu mencari kerja dan menjalankan perusahaan. Beliau mungkin orang pertama yang menjelmakan visi Adam Smith dalam The Wealth of Nations dalam bentuk konkrit. British mengambil alih Hong Kong hanya selepas 20 tahun kemudian dan mengasaskan apa yang kemudian menjadi pelabuhan bebas moden paling hebat di Asia. Pada separuh kedua abad ke-19, Empayar British telah membuang banyak sekatan perdagangan dan membenarkan perdagangan multilateral berkembang. Orang Cina dan India yang berdiaspora di seluruh Empayar telah membuka jaringan perdagangan baru.



Sumber gambar: Singapore River. 1823. Singapore. Robertson Quay.


— “ —
Pada dasarnya, perluncuran persaingan ekonomi berkembang di samping institusi politik fleksibel dan tidak berpusat. Geografi yang terpisah dan dasar-dasar yang bersaing digandingkan untuk mempromosikan kebebasan, perkembangan dan kemakmuran ekonomi.
 — ” —

Pasaran bebas, kebebasan di laut dan perdagangan terbuka terjejas lagi pada separuh pertama abad ke-20. Asia terjejas lebih teruk berbanding Barat. Pada dekad 1960-an, ahli ekonomi Sweden, Gunnar Myrdal melakarkan "Asian drama". Menurut beliau, Asia ialah benua yang terperangkap dalam pertukaran yang tidak setaraf dengan Barat, dan terbenam dalam banyaknya kegagalan pasaran yang menghalangnya terlepas dari kemiskinan. Myrdal dan pakar pembangunan lain menyimpulkan bahawa hanya suntikan bantuan yang besar dari Barat, perancangan gaya Soviet dan perlindungan penggantian import yang boleh menangani kegagalan pasaran dan memulakan perindustrian, pertumbuhan dan pembangunan di Asia. Pada masa yang sama, V.S. Naipaul menganggap India sebagai sebuah "benua yang rosak dan terluka", dipenuhi "rangka mayat hidup". Karl Marx, Max Weber dan lain-lain mengabaikan China dan India, kerana tradisi mereka yang berfikir sempit dan menolak kemajuan.


Tetapi Asia telah bangkit semula dengan gemilang selepas 65 tahun. Betul-betul 'Drama Asia', tetapi bertentangan dengan telahan Myrdal. Kebangkitan ini bermula dengan generasi

pertama Harimau Asia Timur (Jepun, Korea Selatan, Taiwan, Hong Kong dan Singapura), sebelum melebar ke Harimau Asia Tenggara (Malaysia, Thailand dan Indonesia), kemudian China dan Vietnam, dan selepas itu India. Ia bermula dalam ekonomi segelintir negara Asia Timur kemudian berkembang ke Asia Timur dan Selatan. Pasaran dibebaskan dan diintegrasikan ke dalam ekonomi global. Asia Timur menjadi pusat pengeluaran rantai bekalan pembuatan global. Menurut Angus Maddison, Asia meliputi 60 peratus daripada penduduk dunia tetapi kurang daripada 20 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) (pada Pariti Kuasa Beli (PKB)) pada tahun 1950 (Bolt & Van Zanden, 2014). Sehingga tahun 2001, bahagian KDNK Asia meningkat sekali ganda. Pada tahun 2030, ia sepatutnya meliputi separuh daripada KDNK dunia. China telah pun menjadi ekonomi terbesar dunia (pada PKB). Bank Pembangunan Asia menganggarkan pengeluaran di Asia meningkat sebanyak 7.5 kali ganda, dan KDNK perkapita meningkat sebanyak 6 peratus setahun, antara tahun 1990 dan 2009. Bank Dunia pula menganggarkan bahawa lebih 1 billion orang telah bebas daripada kemiskinan tegar di Asia Timur dan Selatan antara 1990 dan 2011.


Generasi Pertama Harimau Asia Timur



Harimau Asia-Selatan



Pengembangan pasaran bebas ke serata Asia Timur dan Selatan



Namun angka-angka ini boleh mengaburi kisah penting Asia hari ini iaitu perluasan kebebasan ekonomi yang tidak pernah berlaku dalam sejarah. Apa yang ditulis oleh Adam Smith sebagai "kebebasan fitrah" iaitu keupayaan individu membuat pilihan dalam aktiviti ekonomi harian, kini berlaku di Asia yang semakin mengglobal (yang saya maksudkan di sini ialah Asia Timur dan Selatan, bukan Asia Barat dan Tengah yang kurang mengglobal). Walaupun perkembangan teknologi ada membantu, pemangkin utama kebebasan ekonomi ini ialah liberalisasi perdagangan dalam dan luar, liberalisasi pelaburan domestik dan asing, serta liberalisasi produk dan faktor (tanah, buruh dan modal) pasaran.

Tindakan membuka sekatan yang menekan aktiviti ekonomi telah menyerlahkan keinginan sebenar dalam diri orang biasa. Mereka kini berpeluang menikmati "kebebasan fitrah" mereka dan menggunakan kesempatan ini sebaik-baiknya. Kita dapat melihatnya dalam gambaran Peter Bauer mengenai perusahaan tanaman getah berskala kecil di Tanah Melayu dan pengeluar koko di Gold Coast, yang ditulis pada dekad 1940-an. Perusahaan-perusahaan ini terus meningkatkan taraf hidup ratusan juta orang hingga hari ini. Kita juga boleh melihatnya di kalangan generasi muda Asia saat ini. Komitmen mereka terhadap pendidikan, kerja dan kemajuan diri boleh dilihat di mana-mana. Perkembangan ini sungguh memberangsangkan. Ini yang membezakan Asia dengan Barat pada hari ini, khususnya di Eropah.

Namun perjalanan masih begitu panjang kerana kebanyakan negara Asia masih lagi tertinggal. Separuh daripada orang termiskin di dunia tinggal di Asia, hampir tiga per empat daripada mereka berada di Asia Selatan. Kebebasan ekonomi pula, meski berkembang, masih terus ditekan.

Asia Kekal tertinggal Belakang Barat



Asia dihuni separuh golongan paling miskin dunia



Kerena birokrasi menyulitkan pengeluar dan pengguna serata Asia



Pasaran kewangan Asia dikawal ketat



Dasar perlindungan dalam pertanian dan perkhidmatan



Campur tangan pemerintah dalam pasaran tenaga Asia

Sekatan terhadap kebebasan ekonomi paling dirasakan dalam kegiatan jual dan beli harian, perdagangan dan pelaburan. Birokrasi dalam pendaftaran hartanah, penguatkuasaan kontrak, pembukaan dan penutupan perniagaan, lesen dan permit, pembayaran cukai, pinjaman, pengambilan dan pemecatan pekerja, pelepasan barangan melalui kastam menjerut pengeluar dan pengguna di seluruh Asia. Hanya empat negara Asia berada dalam senarai 20 negara teratas Kemudahan Menjalankan Perniagaan oleh Bank Dunia. Kebanyakan yang lain masih di senarai terbawah: India, Pakistan, Bangladesh, Kemboja, Laos dan Myanmar adalah antara yang paling sukar menjalankan perniagaan di dunia.

Pasaran kewangan Asia dikawal ketat oleh peraturan; kerajaan masih lagi mengawal banyak sistem kewangan di negara Asia. China meneruskan sistem perbankan dengan cara ekonomi kawalan yang menjadi tunjang kepada apa yang sepatutnya menjadikan ekonomi bebas. Sistem demikian memihak kepada sektor perusahaan awam yang kurang cekap dan sektor swasta yang dijalankan oleh kroni, sambil menyempitkan modal kepada sektor swasta lain. Perdagangan dan pelaburan asing masih lagi dilindungi kerajaan tempatan walaupun lebih terbuka berbanding pasaran kewangan domestik. Perlindungan oleh kerajaan kurang dalam pembuatan tetapi banyak dalam pertanian dan perkhidmatan. Akhir sekali, lebih banyak campur tangan kerajaan dalam seluruh pasaran tenaga Asia berbanding kewangan. Monopoli sektor awam, kawalan harga, subsidi dan kawalan eksport serta kemasukan pelaburan, adalah norma biasa.

Kawalan kerajaan secara berterusan tidak sukar dijelaskan. Kawalan ini ada kaitan dengan hubungan antara ahli politik, pegawai kerajaan dan kepentingan-kepentingan yang telah berkuat yang berupaya mempertahankan kuasa, keuntungan dan wang yang diperoleh secara haram. Jika demikian, mengapa pasaran di Asia semakin bebas, dan Asia terus tumbuh dan makmur? Tidak seperti di Barat, jawapannya bukan terletak pada kuasa idea-idea besar. Sebaliknya, penjelasannya ialah sikap pragmatik. Pemimpin-pemimpin di Asia menukar haluan apabila dasar-dasar

semasa menunjukkan kegagalan, apabila ekonomi mereka tersekat, atau hampir dilanda krisis dan bencana. Pemicu lazim ialah hiperinflasi, hutang awam yang terus meningkat, nilai mata wang yang merosot dan simpanan tukaran asing yang berkurangan. Kadangkala kebuluran, sebagaimana yang terjadi di Vietnam pada pertengahan 1980-an. Tetapi kebanyakannya kerana krisis politik bercampur dengan krisis ekonomi yang mengancam kejatuhan sesebuah negara atau sistem politik sedia ada. Itulah yang dirasa oleh Deng Xiaoping di China pada pertengahan dekad 1970-an.

Dalam situasi tersebut, kenyataan Dr Johnson, tokoh sastera Inggeris abad ke-18 (pent.), ada benarnya: "Apabila seorang tahu dia akan digantung pada waktu tengah malam nanti, dia akan menumpukan fikirannya dengan luar biasa." Ketika mereka yang berkuasa memilih perubahan berasaskan pasaran, mereka meniru amalan lebih baik dari mana-mana juga terutamanya dari negara-negara yang telah berjaya membuka pasaran dan berintegrasi ke dalam ekonomi dunia.

Harimau Asia Tenggara mengikut Hong Kong, Singapura dan Harimau Timur Laut Asia. Kemudian China meniru kedua-dua Harimau Asia Tenggara dan Timur Laut Asia; India dan lain-lain mengekori. Deng Xiaoping melancarkan percubaan dasar pro-pasaran yang bertentangan dengan politik Beijing yang rigid, terutama Zon Ekonomi Khas di selatan China. Bandar-bandar dan wilayah-wilayah lain meniru kisah-kisah kejayaan ini, dan akhirnya Beijing menukar dasar-dasarnya dan membuka pasaran mereka kepada dunia. Ahli Sejarah David Landes menyebut fenomena ini sebagai "ikhtiar dari bawah dan serapan melalui contoh".

“**Pemimpin telah mengubah arah apabila dasar-dasar sedia ada terbukti gagal – apabila ekonomi mereka tersekat, atau miring ke arah krisis atau malapetaka.**”

Ke mana dari sini?

Sikap pragmatik telah meluaskan pasaran dan kebebasan di Asia. Namun kita tidak boleh bergantung hanya kepadanya dalam usaha menangani banyak lagi hal yang belum selesai. Liberalisasi pasaran dengan mudahnya boleh tersangkut atau diundur. Bahkan, ia sebenarnya telah berlaku di seluruh dunia sejak krisis kewangan global. Pendulum telah berayun kembali kepada kolektivisme dengan makro ekonomi Keynesian dan campur tangan mikro yang baru dalam pasaran, dimulai dengan pasaran kewangan. Asia tidak terkecuali.

Masalah dengan sikap pragmatik ialah kebanyakan pembuat dasar melakukan "apa sahaja yang berkesan" tanpa satu alat panduan yang memberi mereka haluan yang menyeluruh dan prinsip-prinsip panduan. Ini mendedahkan mereka kepada anggapan umum semasa. Seperti idea-idea besar, idea-idea jangka pendek dan panjang berasal dari Barat dan dieksport ke seluruh dunia. Dan seperti buluh runcing Asia, mereka yang berkuasa mengikut arah tiupan angin. Di Asia dan di tempat lain di luar Barat, mereka terperangkap dalam ajukan berterusan pasca kolonial. Mereka sama seperti "mimic-men" dari Caribbean dalam tulisan V.S. Naipaul yang secara tanpa sedar, meniru bulat-bulat apa sahaja yang disampaikan dari Barat.

Ini membawa saya kembali kepada kuasa idea-idea besar. Ahli-ahli ekonomi liberal perlu menyediakan satu panduan di Asia, bukan sahaja untuk menangani cabaran kolektivisme sama ada dari orang tempatan mahu pun yang datang dari Barat. Tradisi pemikiran Barat boleh menjadi rujukan. Tetapi adalah sangat membantu jika tradisi liberal tempatan digunakan. Sebagai contoh Gurcharan Das yang menganjurkan negara liberal, ekonomi pasaran bebas dan masyarakat sivil di India. Untuk menyokong anjurannya, beliau mengguna pakai dharma, satu perkataan lama dalam teks Sanskrit yang bermaksud amalan moral yang baik. Dharma sangat penting bagi masyarakat India dan Das berhujah bahawa perkataan dharma mengandungi prinsip-prinsip liberal yang dekat dengan nilai-nilai kalangan borjuis di Barat yang membolehkan masyarakat pasaran berkembang di sana. Dharma, menurut Gurcharan, telah menghadkan kuasa raja-raja, menyemai sikap usahawan dan membantu penyebaran pasaran di seluruh India.

Ahli falsafah John Stuart Mill pernah berkata "kata yang sepadan menjadi penentu keputusan." Tentunya kata yang sepadan itu harusnya berpijak di atas bumi yang nyata di samping menjanjikan hari esok yang lebih baik. Apakah yang dimaksudkan apabila disebut liberal klasik? Ia bermakna kebebasan dan kemakmuran telah mekar di Asia kerana kuasa kerajaan dikawal dan pasaran diberi kebebasan. Ia bermakna kerajaan yang terhad, kerajaan kuat tetapi kecil, yang menjalankan fungsi utamanya dengan baik tetapi tidak campur tangan dalam semua urusan. Ia bermakna pasaran bebas baik di dalam maupun luar negara. Secara singkat ia adalah sistem kebebasan ekonomi, yang ditulis oleh ahli ekonomi Joseph Schumpeter, yang mesti menjadi cita-cita bagi setiap orang Asia.

“**Apakah perkataan liberal klasik? Ia adalah kebebasan dan kemakmuran yang berkembang di tanah Asia kerana pemangsaan pemerintah telah disemak dan pasaran dibebaskan.**”

Nota

- [1] Bernstein, William J. 2008. A splendid exchange: how trade shaped the world. New York: Atlantic Monthly Press.
- [2] Busch, Joel H.. 1968. "Asian Drama: An Inquiry into the Poverty of Nations".
Review of Asian Drama: An Inquiry into the Poverty of Nations. The Australian Quarterly 40 (4).
Australian Institute of Policy and Science: 118–21.
- [3] Naipaul, V. S. 1977. "India: A Wounded Civilization. New York: Knopf.
- [4] Bolt, J. and J. L. van Zanden (2014).
The Maddison Project: collaborative research on historical national accounts.
The Economic History Review, 67 (3): 627–651.
- [5] Smith, Adam. 1776. An Inquiry into the Nature and Causes of the Wealth of Nations
- [6] Boswell, James. 1990. Life of Johnson. Champaign, Ill: Project Gutenberg. p. 351
- [7] Landes, David S. 1998. The wealth and poverty of nations. New York: W.W. Norton.
- [8] Naipaul, V. S. 1967. The mimic men. New York: Macmillan.
- [9] Das, Gurcharan. 2012. India grows at night: a liberal case for a strong state.
- [10] Mill, John Stuart, and Harold Laski. 1924.
Autobiography. London: Humphrey Milford, Oxford University Press.
- [11] Schumpeter, Joseph A. 1954. History of economic analysis. New York: Oxford University Press.

IDEAS terinspirasi dengan visi Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, Perdana Menteri Malaysia yang pertama. Sebagai badan pemikir rentas parti, kami berkerja merentas spektrum politik untuk meningkatkan tahap kefahaman dan penerimaan dasar awam berdasarkan prinsip-prinsip kedaulatan undang-undang, pemerintah terhad, pasaran bebas dan individu merdeka. Pada 17 Januari 2013, IDEAS telah diumumkan sebagai badan pemikir baharu ke-5 terbaik di dunia (naik daripada tangga ke-13 pada tahun 2011) dalam satu tinjauan 6,603 badan pemikir dari 182 negara.

Sokong usaha kami melalui derma. Anda boleh menyumbang melalui cek boleh dibayar kepada "IDEAS Berhad" atau salurkan terus ke akaun CIMB 8001367104. Kami hanya boleh terus wujud dengan sokongan anda.

© 2016 IDEAS. Hak cipta terpelihara.

Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS)
F4 Taman Tunku, Bukit Tunku, 50480 Kuala Lumpur
www.ideas.org.my
No Pendaftaran: 940689-W



Borang Sumbangan

- () Saya lampirkan cek boleh dibayar kepada "IDEAS Berhad"
() Saya telah salurkan sumbangan saya kepada IDEAS (CIMB account No 8001367104) [Swift Code: CIBBMYKL]

Jumlah

- () RM 500 () RM 5,000
() RM 1,000 () RM 10,000
() RM 2,500 () other amount:

Maklumat dibawah adalah pilihan. Tetapi sila isikan butiran sekiranya anda memerlukan resit.

Nama (dengan gelaran): _____

Alamat: _____

Bandar / Negeri: _____ Poskod: _____

Emel: _____ Tel: _____ Faks: _____

() Untuk sumbangan melebihi RM 5,000, sila tandakan di sini jika anda bersetuju untuk disenaraikan sebagai penderma di website dan penulisan kami.

Sila hantarkan borang ini bersama sumbangan anda kepada:
Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS)
F4 Taman Tunku, Bukit Tunku
50480 Kuala Lumpur, Malaysia.

Pilihan Penerbitan IDEAS (2013-2016)

How Can Malaysia's Budget Documents Be Improved? By Sri Murniati, Policy IDEAS No 27 (April, 2016)

Capitalism in Asia by Dr Razeen Sally, Policy IDEAS No 26 (March, 2016)

Economic Liberalism in Asia by Dr Razeen Sally, Policy IDEAS No 25 (March, 2016)

School Autonomy: Case Studies of Private School Chains in Malaysia by Nina Adlan Disney, Policy IDEAS No 24 (February 2016)

A Case Study of a Chinese Independent School by Grace Lee Hooi Yean and Gareth Leeves, Policy IDEAS No 23 (February 2016)

Autism : Life after early intervention by Carolyn Hong, Policy IDEAS No 22 (October, 2015)

Living with Autism in Malaysia by Joanna Menon Lim, Policy IDEAS No 21 (July, 2015)

Malaysia's Public-Private Partnerships in the Trans-Pacific Partnership Agreement: Alternatives to complete carve-out by Dr David Seth Jones, Policy IDEAS No 20 (June, 2015)

How can Malaysia's Asset Declaration System be improved to help combat corruption? By Shaza Onn, Brief IDEAS No. 1 (May, 2015)

The New Face of KWAN: Proposals to improve Malaysia's Natural Resource Fund by Sri Murniati, Policy IDEAS No. 19 (March, 2015)

ICT in Classroom Learning: Exploring the Discrepancies Between Ideal Conditions and Current Malaysian Policy by Jenny Gryzelius, Policy IDEAS No. 18 (February, 2015)

Setting up special needs centres: A focus on early intervention centres for the underprivileged by Tamanna Patel, Policy IDEAS No. 17 (December, 2014)

Public procurement in FTAs: The challenges for Malaysia by David Seth Jones, Policy IDEAS No. 16 (December, 2014)

School choice and school vouchers programmes: Why do they succeed and why do they fail? Lessons for Malaysia by Jenny Gryzelius, Policy IDEAS No. 15 (November, 2014)

Morality and the Rule of Law: Inspirations from Raja Aziz Addruse by Tunku Zain Al-'Abidin ibni Tuanku Muhriz, Policy IDEAS Special Edition (October, 2014)

Dropping out of school in Malaysia: What we know and what needs to be done by Tamanna Patel, Policy IDEAS No. 14 (August, 2014)

Generating best value for taxpayers' money: How to improve transparency and accountability in Malaysia's public contracting system by Sri Murniati, Policy IDEAS No. 13 (July, 2014)

Malaysian education: what do the poor really want? A look at education needs and aspirations of the bottom 40 percent of households in Malaysia by Tamanna Patel, Policy IDEAS No. 12 (April, 2014)

The Malaysian Trust School Model: It's good but is it sustainable? by Dr Arran Hamilton, Policy IDEAS No. 11 (February, 2014)

